

# SASAR TERSENARAI DALAM 5 TAHUN

**UTUSAN: Boleh kongsi sejarah penubuhan UPM Holdings. Apakah matlamat utama penubuhannya?**

**SHAHRULNIZAM MD SHARIF:** UPM Holdings Sdn. Bhd. bermula pada 1980 di mana kami adalah Unit Perundingan untuk Universiti Putra Malaysia (UPM). Seiring dengan perkembangan perniagaan, Unit Perundingan dinaiktaraf menjadi Pusat Perniagaan Universiti ("UBC") pada 1996 dan menjelang 2009, UPM Holdings Sdn. Bhd. telah diperbadankan mengikut Akta Syarikat.

Kini, sebagai cabang perniagaan Universiti, UPM Holdings (UPMH) memfokuskan kepada dua kluster perniagaan utama iaitu berasaskan Pengetahuan (Pendidikan, Latihan dan Perundingan) dan berasaskan Pengurusan Aset (Lapangan Golf 18 Lubang, Penginapan dan Kafeteria).

Misi UPMH adalah untuk memberikan perkhidmatan terbaik dan produk berkualiti yang relevan dengan industri juga memfokuskan perniagaan berkaitan lapangan khusus Universiti untuk menyumbang kepada penjanaan pendapatan dan nilai tambah berimpak tinggi kepada Universiti Putra Malaysia.

Visi UPMH menasarkankan untuk menjadi Syarikat milik Universiti Awam yang terbaik (di Malaysia) dan terunggul di antarabangsa.

## Cabaran yang dihadapi sepanjang penubuhan?

Penubuhan syarikat milik penuh universiti mempunyai beberapa cabaran yang unik dan berkaitan dengan konteks akademik serta perniagaan yang mana UPMH turut tidak terkecuali dalam menghadapi cabaran ini. Antaranya adalah perubahan polisi dalam pengendalian perniagaan.

Secara amnya, cabaran sepanjang tempoh penubuhan adalah:

### 1. Integrasi Akademik dan Perniagaan di Peringkat Universiti & Holdings:

Menyatukan budaya akademik dengan keperluan dan matlamat perniagaan adalah satu cabaran utama. Peratusan Kejayaan Syarikat Holdings universiti bergantung pada kebolehan untuk menggabungkan keperluan akademik semasa dan komitmen terhadap pengetahuan dengan strategi perniagaan yang berorientasikan keuntungan.

### 2. Proses Perolehan Kelulusan yang Kompleks bagi Pengambilan Keputusan untuk sesuatu cadangan projek:

Pengambilan keputusan yang kompleks dan mencabar kerana perlu mengambil kira kepentingan daripada pelbagai pihak, termasuk pihak fakulti, pentadbiran universiti, dan Lembaga Pengarah Universiti, Lembaga Pengarah Anak Syarikat serta Holdings. Secara tidak

## MUKADIMAH

UPM Holdings Sdn. Bhd. (UPMH) pada awal penubuhannya berfungsi sebagai Unit Perundingan untuk Universiti Putra Malaysia (UPM).

Selepas melalui pelbagai proses naik taraf, UPMH kini berperanan penting sebagai cabang perniagaan yang mampu menjana pendapatan kepada UPM.

"Visi UPMH menasarkankan untuk menjadi Syarikat milik Universiti Awam yang terbaik (di Malaysia) dan terunggul di antarabangsa," kata Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UPMH, **SHAHRULNIZAM MD SHARIF** kepada *Utusan Malaysia* dalam temubual melalui e-mel, baru-baru ini.

Beliau turut berkongsi cabaran yang dihadapi sepanjang penubuhan UPMH bermula 1980 dan bakal ditempuh untuk mencapai visi berkenaan.

Ia termasuk harapan untuk UPMH menjadi syarikat tersenarai dalam tempoh lima tahun akan datang.



UPM antara universiti awam tersohor negara diperingkat antarabangsa. - GAMBAR HIASAN

langsung, proses ini mengambil waktu yang agak lama kerana keperluan dalam memenuhi pelbagai jenis peringkat kelulusan.

### 3. Penjanaan Dana:

Mencari sumber kewangan untuk memulakan dan menyokong operasi syarikat holdings adalah cabaran. Pada peringkat awal, syarikat tersebut mungkin memerlukan pelaburan besar untuk membangunkan projek-projek atau memperoleh teknologi yang diperlukan.

### 4. Hubungan Industri dan R&D:

Memastikan hubungan yang kukuh antara syarikat holdings dan industri adalah penting. Tumpuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) perlu seiring dengan keperluan dan jangkaan industri bagi memastikan kejayaan dalam pasaran.

### 5. Peraturan dan Kepatuhan:

Mengendalikan dengan berkesan peraturan dan kepatuhan yang berkaitan dengan bidang pendidikan dan perniagaan adalah penting untuk mengelakkan masalah undang-undang dan reputasi.

### 6. Pemasaran dan Pembiayaan:

Menarik pelanggan, pelabur, dan rakan kongsi perniagaan adalah cabaran. Pemasaran dan pembi-

ayaan perlu diurus dengan cermat untuk memastikan kestabilan dan pertumbuhan syarikat holdings.

## Apakah perniagaan-perniagaan yang dijalankan oleh UPM Holdings?

UPM Holdings terbahagi kepada enam anak syarikat yang menjalankan fungsi-fungsi perniagaan yang tersendiri iaitu:

### 1. UPM Education & Training Sdn. Bhd. (UPMET)

Unit Akademik: menawarkan program Program Pendidikan Terbuka & Jarak Jauh (ODL) UPM bagi peringkat Diploma sehingga Master dan Program Kerjasama UPM - IPTS (UPM Franchise College) antaranya Kolej Teknologi Timur, Kolej Uniti, Kolej Widad & Cybernetics International Technology College (KTAC).

Unit Latihan: menawarkan program latihan bertauliah dan latihan tidak bertauliah kepada pelanggan. Pelanggan kami termasuk sektor kerajaan dan swasta termasuk pelanggan Antarabangsa. Antara senarai program latihan yang disediakan adalah:

- Latihan Berterusan
- Postgraduate Intensive English (PIE)
- Certified Intensive English Program (CIEP)

- Mobility Programme
- International Recruitment Agent
- Halal Executive Course
- Certified Digital E-Learning Program (CDELP)
- Technical and Vocational Education and Training (TVET) - Operasi Selam Skuba Latihan Secara One-Off,
- Good Manufacturing Practice (GMP) Training
- Diploma In Halal Industry Compliance (DHC)
- Hazard Analysis And Critical Control Points (HACCP01) : A Guide To Implementation
- Agriculture, Aquaculture, Animal Production
- Entrepreneurship
- Tourism and Hospitality
- Beauty, Sewing, Culinary
- Administrative
- Business Management

### 2. UPM Consultancy & Services Sdn. Bhd. (UPMCS)

Putra Consultancy: Perundingan Diibaratkan sebagai jambatan yang menghubungkan Universiti dan organisasi luar, dimana kami bertanggungjawab untuk pengurusan dan penyelarasan kepakaran dan perkhidmatan penyelidikan profesional yang terdapat di Universiti. Antara empat (4) bidang utama yang difokuskan adalah:

- Kajian Pertanian, Perhutanan,

Alam Sekitar dan Teknologi Makanan

- Pengurusan Perniagaan Dan Sains Sosial
- Sains Perubatan & Bioteknologi
- Sains Gunaan, Kejuruteraan & Teknologi

UPM Consultancy & Services turut menguruskan penyewaan aset tanah bagi aktiviti perniagaan akuakultur di Semenyih dan penanaman sayur secara hidroponik di Genting Highland.

Cabang perniagaan juga diluaskan dengan penglibatan secara kerjasama dengan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor bagi projek nurseri hutan di Hutan Simpan Ayer Hitam (HSAH), Puchong ataupun juga dikenali sebagai Sultan Idris Shah Forestry Education Center (SISFEC).

### 3. UPM Business & Management Sdn. Bhd. (UPMBM)

Kelab Golf Uniputra merupakan cabang perniagaan UPM Business & Management yang menjalankan perniagaan berdasarkan sukan golf di atas tanah dengan keluasan 197 ekar dengan menyediakan 18 lubang. Kelab Golf Uniputra ini turut menyediakan kemudahan seperti lapang sasaran, green latihan, jurulatih golf professional, kafeteria, rumah kelab, surau, dewan atau bilik mesyuarat dan juga bilik persalinan.

Kelab Golf Uniputra telah mempelbagaikan pakej harga yang dapat menarik pemain golf dari setiap peringkat umur dalam dan luar negara, menjalinkan hubungan kerjasama dengan agensi persukuan golf dalam dan luar negara, memperkenalkan dan mempromosi ahli tahunan, mengendalikan perkhidmatan pembelajaran sukan golf serta menyediakan kemudahan kedai peralatan golf (Pro Shop).

### 4. UPM International Sdn. Bhd. (UPMI)

UPM International mempunyai satu cabang perniagaan utama iaitu bertindak sebagai penyedia kemudahan penginapan bagi komuniti universiti dan sekitarnya melalui KMR OnePUTRA Residence. KMR OnePUTRA Residence menyediakan kemudahan penginapan dengan kadar sewaan bulanan dan juga harian berdasarkan pelbagai jenis penginapan seperti bilik studio, apartmen jenis 1 bilik dan 2 bilik. Segmentasi pasaran tertumpu kepada pelajar Malaysia, antarabangsa dan juga agensi luar.

Antara kemudahan lain yang turut disediakan adalah perkhidmatan kafe, dobi yang beroperasi 24 jam, surau, kemudahan tempat letak kereta, wifi di cafeteria secara percuma dan lain-lain.

Selain itu, UPM International turut menyediakan ruang sewaan bagi digital billboard kepada agensi luar untuk tujuan promosi dan pemasaran.